



26 SEP, 2025

## SME Venture @ASEAN 2025 platform penting perluasan PKS

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### SME Venture @ASEAN 2025 platform penting perluasan PKS

**SME Venture@ASEAN 2025** akan diadakan dari 16 hingga 18 Oktober 2025 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Dianjurkan oleh SME Corporation Malaysia (SME Corp), acara yang julung kali diadakan ini meraih momentum dengan gelombang kerjasama strategik untuk mengkaji kedudukan serantau serta meningkatkan nilai untuk perniagaan dan pengunjung.

Menurut SME Corp, acara selama tiga hari itu berkembang menjadi platform perniagaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang dinamik sempena Kepenegerasian ASEAN-Malaysia pada tahun ini, dengan tujuh organisasi utama menyertai inisiatif ini.

Organisasi utama itu termasuklah agensi kerajaan seperti Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Tourism Malaysia dengan rakan strategik utama seperti Malaysia Airlines, Firefly, Pos Malaysia, Perodua, Bubbles O2 dan Media Prima Omnia.

"SME Venture@ASEAN 2025 akan dianjurkan dua forum perkongsian pengetahuan peringkat tinggi, dianjurkan secara bersama dengan rakan strategik yang akan menyumbang dari segi kredibiliti dan kepakaran kandungan.

"Forum Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dianjurkan secara bersama dengan Institute of Chartered Accountants in England and Wales dan Malaysian Institute of Certified Public Accountants.

"Forum PKS ASEAN dianjurkan bersama Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SAMENTA)," katanya dalam satu kenyataan.

Acara itu akan menampilkan lebih 350 peserta pameran tempatan dan antarabangsa, dengan pameran perniagaan kepada perniagaan (B2B) mempamerkan lapan sektor berimpak tinggi.

PKS yang menyertai akan mengambil bahagian dalam 300 sesi padanan perniagaan dengan pembeli, pelabur dan syarikat peneraju dari seluruh rantau melalui GoASEAN Biz Match.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Rizal Nainy, berkata SME Venture@ASEAN 2025 adalah acara utama PKS untuk ASEAN pada tahun ini.

Beliau menggalakkan PKS Malaysia memanfaatkan platform penting ini dan rangkaiannya pada peringkat serantau untuk mengetengahkan jenama, perkhidmatan dan inovasi mereka sebagai langkah mengembangkan perniagaan.

PKS, usahawan, pemimpin industri dan persatuan perdagangan digalakkan mendaftar sekarang di [www.smeventure.com.my](http://www.smeventure.com.my).



26 SEP, 2025

## SME Venture @ASEAN 2025 platform penting perluasan PKS

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

SME Venture@ASEAN 2025 akan diadakan dari 16 hingga 18 Oktober 2025 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC). Dianjurkan oleh SME Corporation Malaysia (SME Corp), acara yang julung kali diadakan ini meraih momentum dengan gelombang kerjasama strategik untuk mengkaji kedudukan serantau serta meningkatkan nilai untuk perniagaan dan pengunjung.